

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SENG
(KAMPAR)**

**TARIKH : 03.11.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) bilangan bekas tentera tidak berpencen yang telah menerima bayaran Sumbangan Veteran Tidak Berpencen 1 Malaysia (SVTBIM) sebanyak RM1,000 pada tahun 2013; dan**

- (b) apakah status baki daripada dana RM224 juta yang diperuntukkan untuk tujuan tersebut.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 84,312 veteran tidak berpencen yang terdiri daripada 77,737 orang veteran dan 6,575 orang balu/duda telah menerima bayaran Sumbangan Veteran ATM Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M) sebanyak RM1,000 pada tahun 2013 melibatkan peruntukan berjumlah RM84.312 juta. Pemberian sumbangan ini adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan di atas pengorbanan dan perkhidmatan mereka dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Baki daripada peruntukan yang telah disediakan bagi tujuan ini telah dipulangkan kembali kepada Kementerian Kewangan Malaysia.